

BAB 4

Sistem Persekutuan yang diamalkan sejak negara mencapai kemerdekaan telah membawa kemakmuran dan kesejahteraan kepada negara dan rakyat. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri telah menunjukkan kemajuan dalam aspek ekonomi, sosial dan politik di negara kita.

Dari segi ekonomi, negara telah mencapai kemajuan dalam pembangunan sosioekonomi yang memberikan manfaat kepada rakyat. Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Lembaga Pembangunan Tanah Persekutuan (FELDA) untuk membuka tanah baharu di seluruh negara bagi memajukan pertanian seperti penerokaan tanah untuk menanam getah dan kelapa sawit. Seterusnya, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) juga ditubuhkan untuk membangunkan tanah kerajaan negeri yang terbiar untuk kegiatan ekonomi seperti pertanian dan penternakan. Selain itu, bagi merapatkan jurang ekonomi antara negeri, rancangan pembangunan koridor wilayah telah ditubuhkan seperti Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Koridor Pembangunan Sabah (SDC). Kesan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri ini telah membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Dari aspek sosial pula, sistem Persekutuan telah berjaya mewujudkan keharmonian masyarakat. Rakyat berbilang kaum dapat hidup bersatu padu dengan aman dan harmoni. Peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak asasi setiap rakyat dan kaum membolehkan rakyat bersatu dalam kepelbagaian seperti menghormati budaya dan adat resam setiap masyarakat.

Seterusnya dari aspek politik, sistem Persekutuan berjaya mewujudkan kestabilan politik. Hal ini kerana penyelarasan yang dibuat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri menyebabkan pentadbiran berjalan lancar. Pembahagian kuasa yang dilakukan melalui Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama telah membolehkan kerajaan di setiap peringkat, iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan dapat melaksanakan agenda pembangunan dengan berkesan untuk kesejahteraan rakyat.

Tuntasnya, sistem Persekutuan yang diamalkan sejak merdeka telah berjaya membawa kemakmuran kepada negara dan kesejahteraan hidup rakyat melalui dasar ekonomi, sosial dan politik.

(Mana-mana jawapan munasabah diterima)

(Maksimum = 8 markah)